



ZAKAT PULAU PINANG MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

NOTIS JAWATAN KOSONG

ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP merupakan sebuah organisasi yang menguruskan kutipan dan agihan zakat di negeri Pulau Pinang. Visi kami adalah untuk menjadi sebuah organisasi terunggul dan berwibawa dengan bermisikan pengurusan dana zakat dengan adil, cekap, telus dan berkesan serta menyedar dan mendidik umat Islam untuk menunaikan kewajipan berzakat di Zakat Pulau Pinang, MAINPP ke arah kesempurnaan ibadah.

Zakat Pulau Pinang, MAINPP memberi kemudahan kepada masyarakat Islam khususnya di Pulau Pinang bagi mendapatkan perkhidmatan pembayaran zakat mahupun bantuan daripada sumber zakat.

Bagi memastikan hasrat dan tanggungjawab ini tercapai, kami memerlukan calon-calon yang berkebolehan dan bermotivasi tinggi serta berminat membina kerjaya dengan kami bagi mengisi kekosongan yang ada.

JAWATAN

1. **EKSEKUTIF (JURUAUDIT DALAMAN)**
2. **EKSEKUTIF (PENGURUSAN KUALITI)**
3. **EKSEKUTIF (PROGRAMMER)**
4. **PENOLONG EKSEKUTIF (PENDIDIKAN)**
5. **PENOLONG EKSEKUTIF (PERAKAUNAN)**
6. **PENOLONG EKSEKUTIF (JURUKUR BAHAN)**
7. **PENOLONG EKSEKUTIF (DAKWAH KORPORAT)**
8. **KERANI (RECEPTIONIST/TELEFONIS)**
9. **KERANI (KEBAJIKAN ASNAF)**
10. **KERANI (PEMBANGUNAN ASNAF)**

STATUS JAWATAN

Jawatan adalah secara **KONTRAK** sebelum diserapkan ke jawatan tetap berdasarkan penilaian prestasi calon.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang berpengalaman / mempunyai pekerjaan tetap yang memiliki **Diploma atau Ijazah Sarjana Muda** dengan kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara.

1. EKSEKUTIF (JURUAUDIT DALAMAN)

- 1.1 Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang **Perakaunan**, atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- 1.2 Berpengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang audit dalaman dan dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Merancang dan melaksanakan audit dalaman syarikat mengikut bahagian dengan cekap dan berkesan.
 - ii. Menyediakan laporan penuh audit dalaman.
 - iii. Melaksanakan kerja-kerja semakan audit khas sekiranya diperlukan.
 - iv. Memberi khidmat nasihat berkenaan audit dalaman sekiranya diperlukan.

2. EKSEKUTIF (PENGURUSAN KUALITI)

- 2.1 Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang **Pengurusan Kualiti**, atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- 2.2 Berpengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang pengurusan kualiti dan dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Membangunkan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) berdasarkan ISO 9001 atau ISO 1900.
 - ii. Mendapatkan pengiktirafan ISO bagi SPK yang dibangunkan.
 - iii. Mengekalkan persijilan ISO dengan memastikan segala keperluan dipatuhi sebaiknya.

3. EKSEKUTIF (PROGRAMMER)

- 3.1 Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang **Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Software Engineering**, atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- 3.2 Mahir dalam bahasa pengaturcaraan terutamanya PHP, MS SQL Server, .NET;

3.3 Berpengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang teknologi maklumat dan dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti keperluan sistem yang dibangunkan selaras dengan kehendak pengguna.
- ii. Menyusunatur keperluan pengaturcaraan dengan menyediakan carta alir, rajah dan logik yang bersesuaian.
- iii. Memastikan keberkesanan sistem yang dibangunkan dengan melaksanakan ujian yang berkaitan disamping mengubah kod pengaturcaraan.
- iv. Membangunkan dokumentasi untuk sistem berkaitan sebagai sumber rujukan utama.
- v. Membangun dan mengekalkan aplikasi dan pangkalan data dengan menilai keperluan pelanggan; menganalisis keperluan; membangunkan sistem perisian.

4. PENOLONG EKSEKUTIF (PENDIDIKAN)

4.1 Memiliki Diploma dalam bidang **Pengurusan Perniagaan**, atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

4.2 Mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang pekerjaan dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:

- i. Menguruskan permohonan bantuan zakat yang dibuat oleh semua institusi pendidikan tinggi, masjid, pertubuhan dan persatuan.
- ii. Menguruskan bantuan awal persekolahan dan IPT.
- iii. Menguruskan agihan baucer tunai peralatan sekolah.
- iv. Menguruskan hal kerjasama dengan institusi pengajian teknikan dan profesional bagi melahirkan lebih ramai pekerja mahir dan profesional dalam kalangan golongan asnaf.
- v. Menguruskan proses tuntutan bayaran pelajar tajaan Zakat Pulau Pinang

5. PENOLONG EKSEKUTIF (PERAKAUNAN)

5.1 Memiliki Diploma dalam bidang **Perakaunan atau Kewangan**, atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

5.2 Berpengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang perakaunan dan dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:

- i. Menguruskan semua hal berkaitan transaksi yang melibatkan akaun.
- ii. Mengendalikan asas akaun dengan baik.
- iii. Menyusun dan mengemaskini data akaun.
- iv. Mendokumentasi utiliti dan bil-bil berkaitan.
- v. Menguruskan kerja-kerja am akaun.
- vi. Menyediakan laporan perakaunan bulanan dan tahunan.

6. PENOLONG EKSEKUTIF (JURU UKUR BAHAN)

- 6.1 Memiliki Diploma dalam bidang **Ukur Bahan** atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- 6.2 Berpengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang ukur bahan dan dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Menguruskan hal berkaitan permohonan bina dan baiki rumah kediaman asnaf bermula menerima laporan, menjalankan siasatan bersama dan mendapat kelulusan pihak berkuasa serta urusan-urusan berkaitan.
 - ii. Menguruskan hal tawaran rumah siap oleh MAINPP kepada asnaf dengan kerjasama Wakaf Pulau Pinang MAINPP dan agensi lain.
 - iii. Menyediakan sebut harga untuk kerja-kerja baikpulih dan bina rumah.
 - iv. Mengawal dan merekod dokumen-dokumen di Bahagian Perumahan Asnaf.
 - v. Menyediakan laporan kos dan kemajuan kerja dari semasa ke semasa.
 - vi. Membuat penilaian kerja dan membuat perubahan kerja.

7. PENOLONG EKSEKUTIF (DAKWAH KORPORAT)

- 7.1 Memiliki Diploma dalam bidang **Perakaunan atau Pengajian Perniagaan** atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- 7.2 Berpengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang tersebut, pemasaran dan dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Menyebarkan maklumat bagi meningkatkan kesedaran mengenai Zakat Perniagaan kepada masyarakat Islam di Pulau Pinang melalui aktiviti-aktiviti seperti ceramah, khutbah, edaran risalah dan sebagainya.
 - ii. Memberi bimbingan taksiran Zakat Perniagaan kepada syarikat dan individu.
 - iii. Melakukan kutipan zakat kepada syarikat dan individu.
 - iv. Menyediakan perancangan mingguan dan laporan bulanan.

8. KERANI (RECEPTIONIST/TELEFONIS)

- 8.1 Memiliki sekurang-kurangnya SPM atau mana-mana kelayakan yang sama taraf dengannya;
- 8.2 Boleh mengendalikan komputer dan berkomunikasi dengan baik serta mesra pelanggan;
- 8.3 Berpengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang khidmat pelanggan dan dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Menjawab panggilan telefon dari luar dan dalam untuk disambungkan ke tempat yang di minta.

- ii. Memberikan maklumat dan penerangan yang diperlukan oleh pelanggan dengan cekap dan berkualiti sama ada dalam talian atau yang hadir di ZPP;
- iii. Menyambut dan membantu pelanggan/tetamu yang hadir untuk berurusan di ZPP
- iv. Merekod surat-surat masuk.

9. KERANI (KEBAJIKAN ASNAF)

- 9.1 Memiliki sekurang-kurangnya SPM atau mana-mana kelayakan yang sama taraf dengannya;
- 9.2 Mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman kerja dan dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Memproses borang bantuan sarahidup.
 - ii. Memproses bantuan kewangan bulanan.
 - iii. Memproses bantuan makanan bulanan.
 - iv. Mengemaskini bagi setiap penerima bantuan bulanan sebelum tamat tempoh.

10. KERANI (PEMBANGUNAN ASNAF)

- 10.1 Memiliki sekurang-kurangnya SPM atau mana-mana kelayakan yang sama taraf dengannya;
- 10.2 Mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman kerja dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Memproses borang bantuan sarahidup.
 - ii. Menjalankan siasatan bagi Daerah Seberang Perai Tengah bagi kes viral, aduan, permohonan dan bencana alam.
 - iii. Membantu dalam memproses bantuan makanan bulanan.
 - iv. Tugas kaunter kutipan dan agihan.

SYARAT-SYARAT AM KELAYAKAN

- 1. Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 2. Calon-calon mestilah lulus sijil SPM / SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- 3. Calon-calon juga perlu mempunyai pengetahuan asas tentang agama khususnya ilmu berkisar pengurusan zakat.

CARA MEMOHON

1. Calon yang berminat dan memenuhi semua syarat-syarat, sila kemukakan:
 - i. Borang Permohonan Kerja yang boleh dimuat turun di laman web <http://www.zakatpenang.com> atau boleh diambil di ibu pejabat Zakat di Pulau Pinang.
 - ii. Mengemukakan Borang Permohonan Kerja dengan resume dengan Curriculum Vitae terbaru (CV) yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik (sertakan salinan sijil yang berkaitan), pengalaman kerja dan sekeping gambar bersaiz pasport. Sila nyatakan gaji terkini dan gaji yang dipohon.
2. Hanya permohonan yang lengkap akan diterima.
3. Permohonan yang berikut akan ditolak :
 - i. Tidak lengkap atau tidak terang.
 - ii. Salinan dokumen-dokumen yang diperlukan tidak disahkan oleh Pegawai yang berkeelayakan.
 - iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang dikehendaki.
 - iv. Tidak disertakan gambar berukuran pasport atau salinan dokumen yang diperlukan.
 - v. Tidak ditandatangani.

Permohonan Dikemukakan Kepada:

**PENGURUS BESAR
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
ZAKAT PULAU PINANG
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
No.4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang**

Semua permohonan adalah sulit dan hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Permohonan mestilah sampai kepada pihak kami sebelum atau pada **14hb Februari 2020 (Jumaat)**.